

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 16 FEBRUARI 2023

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 23

PETRONAS perlu teliti banyak perkara

Penyenaraian PETRONAS perlu teliti banyak perkara

Banyak perkara yang perlu diteliti secara terperinci jika membabitkan cadangan penyenaraian syarikat petroleum milik negara, PETRONAS di Bursa Malaysia.

Ini memandangkan ia adalah pemegang amanah kepada sumber hidrokarbon negara yang tertakluk dalam Akta Pembangunan Petroleum 1974 (PDA 1974).

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli, berkata dalam akta itu sebenarnya ada perkara khusus seperti fungsi PETRONAS dalam menjaga, mentadbir dan mengawal selia sumber hidrokarbon dalam negara ini.

Beliau berkata, berdasarkan perkembangan yang lalu, apabila PETRONAS menyenaraikan perniagaannya, ia hanya membabitkan perniagaan yang tidak menyentuh bidang kuasa serta bidang tugas khusus yang

ada dalam PDA 1974.

Katanya, perkara itu juga adalah di bawah bidang kuasa Menteri Kewangan.

"PETRONAS mempunyai kedudukan yang unik yang perlu kita pertimbangkan kerana ia adalah pemegang amanah (*custodian*) sumber hidrokarbon di negara ini. (Kalau boleh diibaratkan) ia (langkah menyenaraikan PETRONAS) adalah sama seperti menswastakan Jabatan Perhutanan.


"Jadi, kita perlu melihat sama ada terdapat keperluan untuk itu dan ia perlu diteliti sebaik mungkin. Jika ada keperluan (untuk menyenaraikan), ia perlu tidak membabitkan perkara yang termaktub dalam PDA 1974," katanya.

Beliau berkata demikian bagi mengulas mengenai cadangan Ahli Parlimen Subang, Wong Chen yang menyarankan ke-

rajaan mengkaji kemungkinan menyenaraikan tawaran awam permulaan (IPO) PETRONAS sebagai satu cara mengumpul wang bagi membantu mengurangkan hutang negara.

Wong Chen (PH-Subang) ketika perbahasan usul Menjunjung Kasih Titah Diraja di Dewan Rakyat berkata, penyenaraian PETRONAS itu akan memberikan suntikan tunai yang besar bagi mengurangkan hutang negara, menyediakan lebih ketelusan kewangan dan tadbir urus yang lebih baik kepada syarikat minyak dan gas negara, sekali gus meningkatkan hasil fiskal keseluruhan bagi kerajaan.

Beliau juga mencadangkan kerajaan mengikut langkah bijak yang dilakukan oleh Arab Saudi melalui penyenaraian Saudi Arabian Oil Company (Saudi Aramco) pada 2019.



PETRONAS mempunyai kedudukan sebagai pemegang amanah sumber hidrokarbon negara.